

CUKAI JUALAN NEGERI

Ke Atas

Komoditi Perikanan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah

ISI KANDUNGAN

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	Pendahuluan	1
2.	Panduan Cukai Jualan Negeri Komoditi Perikanan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah	2
3.	Lampiran 1 <ul style="list-style-type: none">Borang 1 – Permohonan Untuk Mendapatkan Lesen Sebagai Orang Yang Kena Membayar Cukai	5
4.	Lampiran 2 <ul style="list-style-type: none">Carta Aliran Permohonan & Pengeluaran Lesen Cukai Jualan Negeri	9
5.	Lampiran 3 <ul style="list-style-type: none">Senarai Semak Permohonan Lesen Cukai Jualan Negeri	11
6.	Lampiran 4 <ul style="list-style-type: none">Carta Aliran Pembayaran Cukai Jualan Negeri (Pengisytiharan Eksport Dibuat Melalui Borang Kastam K2 Luar Negara)<ul style="list-style-type: none">(i) Komoditi Perikanan Hidup(ii) Komoditi Perikanan Tidak Hidup	13
7.	Lampiran 5 <ul style="list-style-type: none">Carta Aliran Pembayaran Cukai Jualan Negeri (Perakuan untuk mengangkut barang dalam Malaysia Melalui Borang Kastam K3 Dalam Negara)<ul style="list-style-type: none">(i) Komoditi Perikanan Hidup(ii) Komoditi Perikanan Tidak Hidup	16
8.	Lampiran 6 <ul style="list-style-type: none">(I) Borang 4 –Penyata Cukai Jualan Negeri(II) Dokumen Ringkasan Invois	19

No.	Kandungan	Muka Surat
9.	Lampiran 7 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="320 344 1225 454">• Lampiran A – Pemakluman Pembayaran Cukai Jualan Negeri Melalui Perbankan Secara Terus (Direct Bank-In) Ke Dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah	22
10.	Lampiran 8 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="320 546 676 584">• Soalan Lazim (FAQ)	24
11.	Warta Kerajaan Negeri Berkaitan Cukai Jualan Negeri Komoditi Perikanan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah	29

PANDUAN CUKAI JUALAN NEGERI KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

PENDAHULUAN

Merujuk kepada Perkara 95B (3) dan Jadual 10, Bahagian V dalam Perlembagaan Persekutuan, penganan Cukai Jualan Negeri (CJN) adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri telahewartakan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

Seiring dengan pengenalan Enakmen tersebut, maka Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 juga telah diwartakan bertujuan antara lainnya menetapkan peranan dan tanggungjawab Pengarah Cukai Jualan Negeri sebagai pegawai yang menguruskan semua perkara-perkara berhubung dengan Cukai Jualan Negeri tertakluk kepada arahan dan pengawalan Menteri Kewangan.

Pengarah Cukai Jualan Negeri adalah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang dibantu oleh Bahagian Cukai Jualan Negeri selaku pelaksana, pemantau dan penguatkuasa.

Kerajaan Negeri telahewartakan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2021 bagi mengenakan CJN ke atas komoditi perikanan yang dibawa keluar dari Sabah. Pelaksanaan perintah ini adalah berkuatkuasa pada 1 Mei 2021. Sehubungan itu, Panduan CJN ini yang juga mengandungi soalan-soalan lazim (FAQ) dikeluarkan sebagai rujukan kepada pembayar cukai berkenaan pelaksanaan perintah tersebut.

PANDUAN CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

1. Barang-barang yang kena dibayar cukai dan kadar cukai

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2021:-

Bil.	Barang	Kategori Yang Tertakluk CJK	Kadar CJK
1.	Ikan laut dan ikan air tawar:		5% ke atas nilai jualan*
	a) hasil akuakultur	Segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah	
	b) bukan hasil akuakultur		
2.	Moluska, cephalopoda, tumbuhan akuatik termasuk rumpai laut dan invertebrata akuatik lain	Hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah	
3.	Krustasia:		10% ke atas nilai jualan*
	a) krustasia laut kecuali udang hasil akuakultur b) krustasia airtawar	Hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah	
	c) udang kara dan ketam	Hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah	

** seperti yang diisytihar di Borang Kastam K2 atau K3 bagi pemindahan/pengeksporan melalui udara atau laut; atau Borang Kastam - slip perjalanan bagi pemindahan/pengeksporan melalui darat.*

2. Tarikh Berkuatkuasa

Cukai ini mula dikenakan pada 1 Mei 2021.

3. Orang yang kena membayar cukai

Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 9 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, orang yang kena membayar cukai adalah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai.

4. Tafsiran "Jualan"

Seperti yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, "jualan" termasuklah barter; dan termasuklah juga pelupusan barang-barang dengan hak untuk membeli atau atas terma-terma yang diperuntukkan bahawa penjual memegang kepentingan dalam barang-barang tersebut, pemindahan dalam barang-barang dalam entiti yang sama bagi maksud memproses barang-barang tersebut kepada bentuk yang lain, dan penghantaran barang-barang itu di bawah apa-apa syarat seperti pembayaran kemudian, sama ada atau tidak urus niaga berlaku di dalam atau di luar negeri; dan "untuk menjual" mempunyai erti yang sama.

5. Pendaftaran Lesen Cukai Jualan Negeri

- (i) Orang yang kena membayar cukai hendaklah membuat permohonan lesen melalui **Borang 1 (rujuk: Lampiran 1)** sebagai orang yang kena membayar cukai kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri.
- (ii) Permohonan pendaftaran lesen Cukai Jualan Negeri dibuat secara atas talian melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang 1. Sila rujuk **Lampiran 2** untuk carta aliran permohonan dan pengeluaran lesen cukai jualan negeri serta **Lampiran 3** untuk senarai semak dokumen sokongan permohonan lesen cukai.
- (iii) Selepas permohonan pendaftaran diluluskan, emel akan dijana bersama-sama dengan nombor lesen Cukai Jualan Negeri dan tarikh kuatkuasa pendaftaran.
- (iv) Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal berdaftar dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

6. Pembayaran Cukai Jualan Negeri

- (i) Carta aliran untuk proses bayaran cukai adalah seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**.
- (ii) Pengeksport perlu mengemukakan taksiran cukai jualan negeri dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> berdasarkan kuantiti dan nilai jualan barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam. Setelah itu, dokumen ringkasan invois perlu diisi dan dimuat naik ke dalam sistem. Contoh Borang 4 dan dokumen ringkasan adalah seperti di **Lampiran 6**.
- (iii) Pengeksport membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri.
- (iv) Pengeksport memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh seperti di **Lampiran 7**.

- (v) Resit Elektronik akan dijana melalui portal <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> sebagai bukti pembayaran telah dibuat.
- (vi) Pengeksport mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia beserta **RESIT ELEKTRONIK** untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.
- (vii) Pembayaran Cukai Jualan Negeri perlu dibayar setiap kali sebelum produk Komoditi Perikanan Dibawa Keluar Dari Sabah.
- (viii) Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14(7) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya mana-mana orang yang kena membayar cukai gagal mengemukakan penyata atau gagal membayar amaun cukai, dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

7. Rujukan

- Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998_ <https://sagc.sabah.gov.my/?g=en/content/state-sales-tax-enactment-1998>
- Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999_ <https://sagc.sabah.gov.my/?g=en/content/state-sales-tax-enactment-1998>
- Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2021

8. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dan merujuk kepada:

Bahagian Cukai Jualan Negeri
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Aras 5, Blok A, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU
Tel: 088-368071 (Talian Am) | Faks: 088-213584

Evina Brenda Majimbun: ☎088-368068 ✉ EvinaBrenda.Majimbun@sabah.gov.my
Harmidi Zaffuan Bin Hashim: ☎088-368048 ✉ HarmidiZaffuan.Hashim@sabah.gov.my
DK Normahani Pg. Mohd: ☎088-368038 ✉ DKNormahani.PgMohd@sabah.gov.my
Claudia Ann Sylvester: ☎088-368052 ✉ Claudia.Salbishte@sabah.gov.my
Bibi Hasna Carriena: ☎088-368916 ✉ BibiHasna.AhmadShah@sabah.gov.my

Lampiran 1

BORANG 1
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN
SEBAGAI ORANG YANG KENA MEMBAYAR CUKAI

BORANG 1
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI 1999
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN SEBAGAI ORANG
YANG KENA MEMBAYAR CUKAI
(Peraturan 4(1))

SILA TAIP ATAU GUNAKAN HURUF BESAR SAHAJA

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERNIAGAAN

1) SYARIKAT/PERNIAGAAN

2) NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR PERNIAGAAN

(Bagi perkongsian, sila isikan juga butiran 10)

3) NO. TELEFON DAN FAKS

TEL.NO:

FAX NO.:

4) TARIKH DAN NO. RUJUKAN SYARIKAT/NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN

TARIKH:
HARI/BULAN/TAHUN

NO. PENDAFTARAN:

5) TARIKH/JANGKAAN TARIKH PERMULAAN PERNIAGAAN

TARIKH
HARI/BULAN/TAHUN

6) TEMPOH PENGAKUAN TAHUNAN SYARIKAT SAYA TAMAT PADA

TARIKH
HARI/BULAN

BAHAGIAN B: BUTIRAN PERNIAGAAN

7) TERANGKAN KEGIATAN PERNIAGAAN UTAMA ANDA DENGAN SEPENUHNYA

8) SENARAI PERKHIDMATAN BERCUKAI

NO.	JENIS BARANG-BARANG YANG KENA DIBAYAR CUKAI	KLASIFIKASI/KASTAM HS KOD/TARIF	ANGGARAN PEROLEHAN TAHUNAN (RM)	ANGGARAN PEROLEHAN CUKAI JUALAN NEGERI TAHUNAN (RM)

(Jika ruangan tidak mencukupi, gunakan kertas berasingan)

9) ALAMAT PENUH PERNIAGAAN DI SABAH (UNTUK TUJUAN CUKAI JUALAN NEGERI)

10) BAGI PERNIAGAAN PERKONGSIAN

NO.	NAMA PEKONGSI	ALAMAT PERSENDIRIAN	NO. KAD PENGENALAN/ NO. PASPORT	KEWARGANEGARAAN	TANDATANGAN

11) JIKA PERNIAGAAN DIUSAHAKAN OLEH EJEN ATAU MELALUI CAWANGAN, NYATAKAN NAMA DAN ALAMAT EJEN DAN CAWANGAN

A) NAMA EJEN	ALAMAT
B) NAMA CAWANGAN	ALAMAT

(JIKA RUANGAN YANG DIPERUNTUKKAN ADALAH TIDAK MENCIUKUPI, SERTAKAN KERTAS BERASINGAN)

BAHAGIAN C: AKUANPEMOHON(Selarasdengan Peraturan 4(3),Peraturan-peraturanCukai Jualan Negeri1999)

12) SAYA, MENGAKU BAHAWA MAKLUMAT DINYATAKAN DALAM BORANG INI DAN DOKUMEN SOKONGAN DISERTAKAN ADALAH BENAR DAN LENGKAP.

TARIKH

		/			/	TAHUN
HARI			BULAN			

TANDATANGAN

--	--	--	--

13) NAMA PEMOHON	
------------------	--

14) NO. KAD PENGENALAN/PASPORT	
--------------------------------	--

15) JAWATAN	
-------------	--

BAHAGIAN D: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

TARIKH DAN MASA PENERIMAAN	
----------------------------	--

NOMBOR RUJUKAN	
----------------	--

KOMEN:

PERMOHONAN:	DILULUSKAN	<input type="checkbox"/>	
	TIDAK DILULUSKAN	<input type="checkbox"/>	(Tandakan (/)dimana relevan)


		/					/					TAHUN
HARI			BULAN									

UNTUK PENGARAH

Lampiran 2

CARTA ALIRAN
PERMOHONAN & PENGELUARAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI

CARTA ALIRAN PERMOHONAN & PENGELUARAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI



Rujukan : Seksyen 9, 10 dan 10A Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998
: Peraturan 4 & 5 Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999

Lampiran 3

SENARAI SEMAK
DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN
PERMOHONAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI**

BIL	DOKUMEN	TANDA (√)
1.	Salinan kad pengenalan yang telah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara	
2.	Salinan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan	
3.	Salinan dokumen pendaftaran (Terkini)	
	- Sijil pemerbadanan syarikat	
	- Butiran mengenai Pengarah, Pengurus dan Setiausaha syarikat yang terkini.	
	- Memorandum & Articles of Association	
4.	Salinan lesen LKIM atau permit Jabatan Perikanan Sabah	
5.	Salinan kelulusan sebagai ejen kastam yang masih sah laku	

Lampiran 4

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (PENGISYTIHARAN EKSPORT DIBUAT MELALUI BORANG **KASTAM K2** LUAR NEGARA) (I) KOMODITI PERIKANAN HIDUP (II) KOMODITI PERIKANAN TIDAK HIDUP

PENGISYTIHARAN EKSPORT DIBUAT MELALUI BORANG KASTAM K2:

(i) KOMODITI PERIKANAN **HIDUP** YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI

Aliran Proses	Keterangan	Pihak Berkuasa
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #4F812D; color: white; padding: 10px; margin-bottom: 5px;">PERMIT EKSPORT DIKELUARKAN</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	1. Pengeksport telah mendapatkan permit eksport daripada pihak berkuasa.	Jabatan Perikanan Sabah
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #4F812D; color: white; padding: 10px; margin-bottom: 5px;">PEMERIKSAAN KONSAINAN</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	2. Pemeriksaan konsainan dibuat oleh pihak berkuasa.	Jabatan Perikanan Sabah
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #D62728; color: white; padding: 10px; text-align: center; font-weight: bold; font-size: 1.2em;">BORANG 4 & PEMBAYARAN</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	3. Pengeksport mengemukakan taksirancukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ berdasarkan kuantiti dan nilai jualan barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam (K2).	Kementerian Kewangan Negeri
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #D62728; color: white; padding: 10px; text-align: center; font-weight: bold;">LAMPIRAN A</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	4. Pengeksport membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri: Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah Nama Bank: Alliance Bank Berhad No. Akaun: 10196-0-01-002530-1 No. ID: 32RSO00034049 Swift Code: MFBBMYKL	Kementerian Kewangan Negeri
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #D62728; color: white; padding: 10px; text-align: center; font-weight: bold;">RESIT ELEKTRONIK</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	5. Pengeksport memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ .	Kementerian Kewangan Negeri
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #4F812D; color: white; padding: 10px; margin-bottom: 5px;">DOKUMEN DIBUKTIKAN DENGAN PEGAWAI KASTAM</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	6. Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ sebagai bukti pembayaran telah dibuat.	Kementerian Kewangan Negeri
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; background-color: #4F812D; color: white; padding: 10px; margin-bottom: 5px;">EKSPORT</div>	7. Pengeksport mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia beserta RESIT ELEKTRONIK untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	8. Eksport	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

PENGISYTIHARAN EKSPORT DIBUAT MELALUI BORANG KASTAM K2:
(ii) KOMODITI PERIKANAN TIDAKHIDUP YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI

Aliran Proses	Keterangan	Pihak Berkuasa
<pre> graph TD A[LESEN EKSPORT DIKELUARKAN] --> B[BORANG SKPI DILENGKAPKAN] B --> C[PEMERIKSAAN KONSAINAN] C --> D[BORANG 4 & PEMBAYARAN] D --> E[LAMPIRAN A] E --> F[RESIT ELEKTRONIK] F --> G[DOKUMEN DIBUKTIKAN DENGAN PEGAWAI KASTAM] G --> H[EKSPORT] </pre>	1. Pengeksport telah mendapatkan lesen eksport daripada pihak berkuasa.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
	2. Pengeksport mengisi Borang SKPI.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
	3. Pemeriksaan konsainan dibuat oleh pihak berkuasa.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (ikan mati)
	4. Pengeksport mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ berdasarkan kuantiti dan nilai jualan barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam (K2).	Kementerian Kewangan Negeri
	5. Pengeksport membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri: Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah Nama Bank: Alliance Bank Berhad No. Akaun: 10196-0-01-002530-1 No. ID: 32RSO00034049 Swift Code: MFBBMYKL	Kementerian Kewangan Negeri
	6. Pengeksport memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ .	Kementerian Kewangan Negeri
	7. Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ sebagai bukti pembayaran telah dibuat.	Kementerian Kewangan Negeri
	8. Pengeksport mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia beserta RESIT ELEKTRONIK untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	9. Eksport	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Lampiran 5

CARTA ALIRAN








**PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI
(PERAKUAN UNTUK MENGANGKUT BARANG
DALAM MALAYSIA MELALUI BORANG
KASTAM K3 DALAM NEGARA)**

- (I) KOMODITI PERIKANAN HIDUP**
- (II) KOMODITI PERIKANAN TIDAK HIDUP**

**PERAKUAN UNTUK MENGANGKUT BARANG DALAM MALAYSIA BORANG
KASTAM K3 DALAM NEGARA:**

(i) KOMODITI PERIKANAN **HIDUP YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI

Aliran Proses	Keterangan	Pihak Berkuasa
	1. Pengeksport telah mendapatkan permit eksport daripada pihak berkuasa.	Jabatan Perikanan Sabah
	2. Pemeriksaan konsainan dibuat oleh pihak berkuasa.	Jabatan Perikanan Sabah
	3. Pengeksport mengemukakan taksirancukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ berdasarkan kuantiti dan nilai jualan barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam (K3).	Kementerian Kewangan Negeri
	4. Pengeksport membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri: Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah Nama Bank: Alliance Bank Berhad No. Akaun: 10196-0-01-002530-1 No. ID: 32RSO00034049 Swift Code: MFBBMYKL	Kementerian Kewangan Negeri
	5. Pengeksport memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ .	Kementerian Kewangan Negeri
	6. Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ sebagai bukti pembayaran telah dibuat.	Kementerian Kewangan Negeri
	7. Pengeksport mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia beserta RESIT ELEKTRONIK untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	8. Dibawa keluar dari Sabah.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

**PERAKUAN UNTUK MENGANGKUT BARANG DALAM MALAYSIA BORANG
KASTAM K3DALAM NEGERA:**

(ii) KOMODITI PERIKANAN TIDAKHIDUP YANGDIBAWA KELUAR DARISABAH

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI

Aliran Proses	Keterangan	Pihak Berkuasa
<p>BORANG 4 & PEMBAYARAN</p> <p>↓</p> <p>LAMPIRAN A</p> <p>↓</p> <p>RESIT ELEKTRONIK</p> <p>↓</p> <p>DOKUMEN DIBUKTIKAN DENGAN PEGAWAI KASTAM</p> <p>↓</p> <p>KELUAR DARI SABAH</p>	<p>1. Pengeksport mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ berdasarkan kuantiti dan nilai jualan barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam (K3).</p>	Kementerian Kewangan Negeri
	<p>2. Pengeksport membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri: Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah Nama Bank: Alliance Bank Berhad No. Akaun: 10196-0-01-002530-1 No. ID: 32RSO00034049 Swift Code: MFBBMYKL</p>	Kementerian Kewangan Negeri
	<p>3. Pengeksport memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/.</p>	Kementerian Kewangan Negeri
	<p>4. Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ sebagai bukti pembayaran telah dibuat.</p>	Kementerian Kewangan Negeri
	<p>5. Pengeksport mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia beserta RESIT ELEKTRONIK untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.</p>	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	<p>6. Dibawa keluar dari Sabah</p>	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Lampiran 6

- (I) BORANG 4 - PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI**
- (II) DOKUMEN RINGKASAN INVOIS**

(I)PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI (BORANG 4)

BORANG 4
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI 1999
PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI
(Peraturan-Peraturan 12 & 13)

PENYATA BAGI TEMPOH KENA BAYAR *

Nama Orang Yang Kena Membayar Cukai

No. Lesen Cukai Jualan Negeri

Alamat Berdaftar Perniagaan

Sifat Barangan Yang Kena Dibayar Cukai


Jenis Dan Sub Jenis Barangan Komoditi Perikanan

Barangan Komoditi	Sub Jenis Barangan	Kategori	Jumlah Nilai	Kuantiti	Amaun Taksiran	Tindakan
- Jenis Perikanan ? -	- Sub Jenis Perikanan ? -	- Kategori ? -	00.00	0	0.00	<input type="button" value="Simpan"/>

Sila klik selepas selesai kemaskini maklumat Jenis Dan Sub Jenis Komoditi Perikanan

Jenis Dan Sub Jenis Barangan Komoditi Perikanan [H-Hidup, S-Segar, SD-Segar Dingin, SB-Sejuk Beku]

Barangan Komoditi	Sub Jenis Barangan	Kategori	Jumlah Nilai	Kuantiti	Amaun Taksiran	Tarikh Kemaskini	Tindakan
IKAN LAUT DAN IKAN AIR TAWAR	Hasil Akuakultur (kecuali Ikan Hidup)	H	10000	500	500.00	27/04/2021 16:54:48	<input type="button" value="✖"/>
					Jumlah kecil	500.00	
					Jumlah Besar	500.00	

 © 2017 Hak Cipta Terpelihara Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah

(II) DOKUMEN RINGKASAN INVOIS

RINGKASAN INVOIS

CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH

NAMA SYARIKAT:

NOMBOR LESEN CUKAI JUALAN NEGERI:

Bil	Nombor Invois	Tarikh Invois	Nilai Jualan (RM)	Nilai Cukai Jualan Negeri (RM)

Disediakan oleh,

Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat:

Tarikh:

Lampiran 7

LAMPIRAN A

**PEMAKLUMAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN
NEGERI MELALUI PERBANKAN SECARA TERUS (*DIRECT
BANK-IN*) KE DALAM AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH**

Kepada:

Pengarah Cukai Jualan Negeri Sabah,
Pejabat Cukai Jualan Negeri, Kementerian Kewangan
88400 KOTA KINABALU

Pemakluman Pembayaran Cukai Jualan Negeri Melalui Perbankan Secara Terus (Direct Bank-In) Ke Dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sebanyak RM telahpun dimasukkan dalam Akaun Kerajaan Negeri pada

 (dd/mm/yyyy)

dengan No. Rujukan/No. Transaksi

(salinan slip pembayaran adalah disertakan) untuk menjelaskan cukai jualan atas :-

- Minyak Kelapa Sawit
- Loteri
- Pertaruhan Melalui Mesin Slot
- Komoditi Perikanan yang dibawa keluar dari Negeri Sabah
- Produk Petroleum

bagi tempoh 1 Jan 2021 ke 31 Jan 2021

LESEN NO: KEW/KP/02/2015

Sekian dimaklumkan.

Sila tandakan pada Kotak Pengakuan

Nama Pegawai




Nama Syarikat

Tarikh

 Simpan

Sila tekan butang Muatnaik Slip Pembayaran

 Muatnaik Slip Pembayaran

Lampiran 8

SOALAN LAZIM (FAQ)

SOALAN LAZIM (FAQ) CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

1. Apakah barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan negeri dan berapakah kadar cukai?

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2021:-

Bil.	Barang	Kategori Yang Tertakluk CJN	Kadar CJN
1.	Ikan laut dan ikan air tawar: A) hasil akuakultur	Segar, Sejuk dingin atau beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah	5% ke atas nilai jualan*
	B) Bukan hasil akuakultur		
2.	Moluska, cephalopoda, tumbuhan akuatik termasuk rumpai laut dan invertebrata akuatik lain	Hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah	
3.	Krustasia: a) krustasia laut kecuali udang hasil akuakultur b) krustasia airtawar		
	c) udang kara dan ketam		

** seperti yang diisytihar di Borang Kastam K2 atau K3 bagi pemindahan/pengeksporan melalui udara atau laut; atau Borang Kastam - slip perjalanan bagi pemindahan/pengeksporan melalui darat.*

2. Bilakah cukai ini dikenakan?

Cukai ini mula dikenakan pada 1 Mei 2021.

3. Siapakah orang yang membayar cukai?

Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 9 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, orang yang kenamembayar cukai adalah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai.

Selain orang yang menjalankan perniagaan menjual dan membekal barang yang kena dibayar cukai, pihak yang menjalankan pengeksportan iaitu syarikat ejen penghantar (forwarding agent) juga boleh berdaftar sebagai pemegang lesen Cukai Jualan Negeri.

4. Adakah hasil akuakultur dikenakan cukai?

Ya, hasil akuakultur adalah dikenakan cukai, kecuali:

- Ikan hidup hasil akuakultur
- Udanglaut hasil akuakultur

5. Definasi Akuakultur

Definasi 'Akuakultur' berdasarkan Akta Perikanan 1985, iaitu "**Pembiakan benih ikan atau pemeliharaan biak ikan melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya**".

6. Adakah komoditi perikanan yang diproses atau yang dikeringkan juga dikenakan cukai?

Komoditi dalam kategori ini tidak dikenakan cukai.

7. Adakah komoditi perikanan yang dibawa keluar oleh penumpang pesawat dikenakan cukai?

Tidak. Hanya komoditi perikanan yang dibawa keluar yang diisytiharkan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

8. Adakah peniaga transshipment perlu didaftarkan dan membayar cukai?

Peniaga transshipment tidak perlu didaftarkan buat masa ini.

9. Apakah tanggungjawab orang yang kena membayar cukai ?

Orang yang kena membayar cukai dikehendaki:

- (i) Berdaftar di bawah Cukai Jualan Negeri
- (ii) Mempamerkan lesen Cukai Jualan Negeri di tempat yang jelas di tempat perniagaan
- (iii) Mengeluarkan invoice
- (iv) Mengenakan Cukai Jualan Negeri ke atas jualan bagi barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Jualan Negeri
- (v) Membayar dan mengemukakan penyata cukai
- (vi) Menyimpan rekod yang berkaitan (rekod hendaklah disimpan bagi tempoh 6 tahun daripada tarikh akhir pada mana-mana buku akaun, rekod-rekod termasuk nota serahan dan invoice-invoice berkaitan.)

- (vii) Memaklumkan Kementerian Kewangan Negeri Sabah sekiranya:
 - terdapat perubahan ke atas maklumat-maklumat syarikat
 - syarikat menghentikan perniagaan dalam menjual atau membekalkan barang yang dikenakan Cukai Jualan Negeri

10. Bagaimanakah saya boleh berdaftar di bawah cukai jualan negeri?

Orang yang kena membayar cukai hendaklah membuat permohonan lesen melalui Borang 1 sebagai orang yang kena membayar cukai kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri. Borang boleh diisi melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Borang 1 adalah seperti di **Lampiran 1**.

11. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk permohonan lesen cukai jualan negeri?
Sila rujuk **Lampiran 3**.

12. Bagaimana saya tahu saya telah didaftarkan?

Pemakluman melalui emel akan diberikan sekiranya permohonan lesen telah diluluskan.

13. Perlukan saya memperbaharui lesen ini setiap tahun?

Tidak perlu, lesen ini tidak mempunyai tarikh luput.

14. Bolehkah saya menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang yang dikenakan cukai jualan negeri tanpa lesen cukai jualan negeri?

Tidak boleh. Selaras dengan Seksyen 10 (1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, tiada seseorang boleh menjalankan mana-mana perniagaan melainkan jika dia memiliki lesen Cukai Jualan Negeri.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal berdaftar dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

15. Apakah prosedur mengemukakan penyata cukai jualan dan bilakah cukai perlu dibayar?

- (i) Carta aliran untuk proses bayaran cukai adalah seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**.
- (ii) Pengeksport perlu mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> berdasarkan kuantiti dan nilai jualan barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam. Setelah itu, dokumen ringkasan invois perlu diisi dan dimuat naik ke dalam sistem. Contoh Borang 4 dan dokumen ringkasan adalah seperti di **Lampiran 6**.
- (iii) Pengeksport membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri.

- (iv) Pengeksport memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Lampiran A adalah di **Lampiran 7**.
- (v) Resit Elektronik akan dijana melalui portal <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> sebagai bukti pembayaran telah dibuat.
- (vi) Pengeksport mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia beserta **Resit Eletronik** untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.
- (vii) Pembayaran Cukai Jualan Negeri perlu dibayar setiap kali **sebelum** produk Komoditi Perikanan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah.
- (viii) Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14(7) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya mana-mana orang yang kena membayar cukai gagal mengemukakan penyata atau gagal membayar amaun cukai, dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

14. Apakah kaedah pembayaran cukai jualan?

Cukai jualan hendaklah dibayar secara perbankan elektronik kedalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah iaitu:

Nama Akaun : Bendahari Negeri Sabah
Nama Bank : Alliance Bank Berhad
No. Akaun : 10196-0-01-002530-1No.
ID : 32RSO00034049
Swift Code : MFBBMYKL

15. Adakah penalti dikenakan ke atas pembayaran lewat?


Selaras dengan Seksyen 4, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, sekiranya orang yang membayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang dikehendaki, penalti sebanyak 10 peratus akan dikenakan. Kenaikan 10 peratus akan dikenakan bagi setiap tempoh 30 hari yang berikut sehingga penalti maksimum sebanyak 50 peratus

16. Sekiranya inouis dikeluarkan dalam mata wang asing, apakah kadar pertukaran mata wang asing yang dirujuk dalam mengemukakan penyata cukai jualan?

Kadar pertukaran Bank Negara Malaysia semasa penjualan dibuat.

Warta Kerajaan Negeri Sabah

**BERKAITAN CUKAI JUALAN NEGERI
KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA
KELUAR DARI SABAH**



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXXVI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 29 APRIL 2021

[No. S 3

No. S 5

[No. JPBN(S) 600-1/57 Klt. 20

ENAKMEN CUKAI JUALAN NEGERI 1998
(No. 12 Tahun 1998)

PERINTAH CUKAI JUALAN NEGERI (KADAR CUKAI) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6(1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 [No.12 Tahun 1998], Menteri dengan ini membuat perintah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2021.
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2021.

Kadar cukai jualan Negeri ke atas barang-barang yang kena dibayar cukai

2. Cukai jualan Negeri hendaklah dilevi ke atas barang-barang yang kena dibayar cukai yang ditetapkan dalam ruangan (1) Jadual pada kadar yang dinyatakan bertentangan dengannya dalam ruangan (2).

JADUAL

(1) <i>Barang Barang yang kena dibayar Cukai</i>	(2) <i>Kadar Cukai</i>
(1) Ikan laut dan air tawar:	
(a) bukan hasil akuakultur sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.	5% ke atas nilai jualan barang-barang yang kena dibayar cukai.
(b) hasil akuakultur sama ada segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.	5% ke atas nilai jualan barang-barang yang kena dibayar cukai.
(2) Krustasia:	
(a) krustasia laut kecuali udang hasil akuakultur sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.	5% ke atas nilai jualan barang-barang yang kena dibayar cukai.
(b) krustasia air tawar sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.	5% ke atas nilai jualan barang-barang yang kena dibayar cukai.
(c) udang kara dan ketam sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.	10% ke atas nilai jualan barang-barang yang kena dibayar cukai.
(3) Moluska, cephalopoda, tumbuhan akuatik termasuk rumpai laut dan invertebrata akuatik lain sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.	5% ke atas nilai jualan barang-barang yang kena dibayar cukai.

Pembatalan

3. Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2014 dibatalkan.

Bertarikh 19 April 2021.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Menteri Kewangan.

[No. JPBN(S) 600-1/57 Klt. 20

STATE SALES TAX ENACTMENT 1998
(No.12 of 1998)

STATE SALES TAX (RATE OF TAX) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred upon him by subsection 6 (1) of the State Sales Tax Enactment [*No.12 of 1998*], the Minister hereby makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the State Sales Tax (Rate of Tax) Order 2021.
- (2) This Order comes into operation on 1 May 2021.

Rate of State sales tax on taxable goods

2. State sales tax shall be levied on the sale of the taxable goods specified in column (1) of the Schedule at the rate stipulated opposite thereto in column (2).

SCHEDULE

<i>(1)</i> Taxable Goods	<i>(2)</i> Rate of Tax
-----------------------------	---------------------------

- (1) Marine and freshwater fish:

(a) not from aquaculture produce whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah.	5% of the sale of the value of taxable goods.
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------

- (b) from aquaculture produce whether fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah. 5% of the sale of the value of taxable goods.
- (2) Crustaceans:
- (a) marine crustaceans other than prawn from aquaculture produce whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah. 5% of the sale of the value of taxable goods.
- (b) freshwater crustacean whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah. 5% of the sale of the value of taxable goods.
- (c) lobster and crab whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah. 10% of the sale of the value of taxable goods.
- (3) Molluscs, cephalopoda, aquatic plants which include seaweed and other aquatic invertebrates live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah. 5% of the sale value of taxable goods.

Revocation

3. State Sales Tax (Rate of Tax) Order 2014 is revoked.

Dated 19 April 2021.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Minister of Finance

ENAKMEN CUKAI JUALAN NEGERI 1998
(No. 12 Tahun 1998)

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 61 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 [No. 12 tahun 1998], Menteri dengan ini membuat peraturan-peraturan berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri (Pindaan) 2021.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2021.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 [G.N.S 4/99] dipinda:

(a) dengan menggantikan butiran (4) dengan yang berikut:

“(4) Ikan laut dan ikan air tawar:

- (a) bukan hasil akuakultur sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah; atau
- (b) hasil akuakultur sama ada segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.”

(b) dengan memasukkan selepas butiran (5) dengan yang berikut:

“(6) Krustasia:

- (a) krustasia laut kecuali udang hasil akuakultur sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah;
- (b) krustasia air tawar sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah; atau
- (c) udang kara dan ketam sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.

“(7) Moluska, cephalopoda, tumbuhan akuatik termasuk rumpai laut dan invertebrata akuatik lain sama ada hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku, sesuai untuk dimakan oleh manusia yang dibawa keluar dari Sabah.”

Bertarikh 19 April 2021.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Menteri Kewangan.

[No. JPBN(S) 600-1/57 Klt. 20

STATE SALES TAX ENACTMENT 1998
(No. 12 of 1998)

STATE SALES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 61 of the State Sales Tax Enactment 1998 [*No. 12 of 1998*], the Minister hereby makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the State Sales Tax (Amendment) Regulations 2021.
- (2) These Regulations come into operation on 1 May 2021.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule to the State Sales Tax Regulations 1999 [*G.N.S. 4/99*] is amended:
 - (a) by substituting item (4) with the following:

“(4) Marine and freshwater fish:

 - (a) not from aquaculture produce whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah; or
 - (b) from aquaculture produce whether fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah.”

(b) by inserting after item (5) with the following:

“(6) Crustaceans:

- (a) marine crustaceans other than prawn from aquaculture produce whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah;
- (b) freshwater crustacean whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah; or
- (c) lobster and crab whether live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah.

“(7) Molluscs, cephalopoda, aquatic plants which include seaweed and other aquatic invertebrates live, fresh, chilled or frozen, fit for human consumption taken out of Sabah.”.

Dated 19 April 2021.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Minister of Finance



PENAFIAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi pemahaman umum tentang Cukai Jualan Negeri ke atas Produk Komoditi Perikanan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah dan kewajipan orang yang dikenakan cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi secara komprehensif semua isu cukai yang mungkin timbul. Namun, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul. Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Panduan ini tertakluk kepada perubahan, apabila perlu.